


Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 September 2015



PENERBIT dan penulis buku akademik harus mencontohi pencapaian membanggakan buku agama yang menguasai sekitar 20 hingga 50 peratus ruang kebanyakan kedai buku di Malaysia. - GAMBAR HIASAN

Mampukah buku akademik jadi buku agama?



BUKU agama kini menguasai ruang kebanyakan kedai buku di Malaysia. Sekitar 20-50 peratus daripada ruang lantainya dipenuhi buku agama. Ini suatu fenomena yang amat membanggakan. Permintaan tinggi terhadap buku-buku agama telah mendorong persaingan sehat dalam kalangan penerbit dengan menawarkan buku yang semakin bermutu pada harga menarik.

Kebangkitan minat tentang Islam ini berlaku semenjak tahun 70-an. Sebelum itu, penerbitan kitab agama dibuat dalam bentuk kertas kuning. Penedarannya pula terhad di kedai-kedai khas yang menjual kitab agama. Kalau di Kedah, kitab sedemikian hanya boleh diperolehi di Pekan Rabu.

Situasi inilah yang dihadapi buku akademik penerbitan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kita. Dar-

ipada lapan IPTA yang matang, sebanyak 2,954 judul buku akademik diterbitkan dan dipasarkan melalui kedai buku universiti dan juga kedai buku biasa. Penerbitan buku akademik ini mendapat sokongan Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia yang disertai oleh 25 institusi sejak 1996. Namun jualanannya masih terhad dan hingga kini masih gagal menarik minat penerbit swasta.

Penulisan untuk khalayak khusus pastinya mempunyai permintaan terhad. Bilangan cetakan kecil pula menuntut kepada penetapan harga tinggi yang mengencilkan lagi permintaan. Kedudukan ini menuhkan minat para ilmuwan untuk menulis buku.

Penulisan akademik pula perlukan komitmen tinggi kerana setiap ayatnya perlu berasas fakta. Kemampuan menyiapkan satu muka surat pun suatu pencapaian besar. Kerja penyuntingan juga perlu dibuat oleh mereka yang memiliki kepakaran. Sekiranya ganjarani kewangan menjadi dorongan, negara pasti tiada penerbitan buku akademik langsung.

Sebenarnya situasi sedemikian-

lah yang dihadapi oleh kitab kuning dahulu. Penulisnya tidak mengharapkan keuntungan langsung. Namun para ulama zaman dahulu terus juga mengarang kitab. Saya tidak pasti sama ada terdapat sebarang bentuk royalti yang diterima mereka. Jika diberikan sekali pun mungkin terangat sedikit kerana harga jualanannya pun sangatlah murah.

Menelusuri kembali perkembangan buku agama kini, mungkin ilmuwan boleh mempelajari sesuatu daripada ustaz dan ulama kita. Kejayaan dalam pasaran buku agama ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada keringat dan kegigihan ribuan orang.

Para ustaz dan ulama kita telah membawa perbincangan mengenai agama ini kepada masyarakat. Setiap hari beribu kuliah dijalankan di serata pelosok negara. Di setengah tempat terutama di bandar setiap waktu solat disusuli dengan kuliah agama. Perdebatan dan persoalan agama diulas dan dijadikan agenda harian masyarakat.

Ketika ramai orang lain sedang nyenyak tidur telah terdapat para penceramah agama bergegas ke

kuliah subuh. Semua tindakan ini telah menyedihkan begitu ramai pembaca yang berminat mendalami tentang agama. Mereka ingin merujuk kembali secara lebih mendalam tentang perkara yang dibangkitkan ketika kuliah.

Perkara sama perlu difikirkan oleh setiap disiplin ilmu yang lain. Mereka perlu menjadikan bidang ilmu masing-masing sebagai sesuatu yang mudah dicapai masyarakat serta menjadi sebahagian daripada perdebatan mereka. Untuk itu ahli akademik dan para ilmuwan perlu mencari forum untuk mengajar masyarakat memahami mereka.

Mereka tidak sewajarnya bergesak secara eksklusif dalam kepompong ilmu masing-masing. Dengan menulis buku akademik dan berkongsi pengetahuan dengan masyarakat maka akan tercapailah cita-cita kita untuk menjadi masyarakat bermaklumat. Kedai buka kita pula akan menjadi bertambah meriah.

DATUK DR. MOHAMAD AZMIE ZAKARIA
ialah Pengarah Pusat Ilmuwan Darulaman dan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.